

BAHAGIAN A

[40 markah]

Jawab **semua** soalan

1. Sejak abad ketiga Sebelum Masihi, aktiviti perdagangan mengalami perkembangan yang sangat pesat dalam Tamadun India. Aktiviti ini bukan sahaja melibatkan perdagangan dalaman, iaitu antara kawasan dalam wilayah India malah turut melibatkan perdagangan luar.

(a) Senaraikan pelabuhan penting yang menghubungkan India dengan negara luar.

.....  
.....

[1 markah]

(b) Cukai dikenakan terhadap pelbagai jenis hasil perdagangan sejak Zaman Maurya. Terangkan kepentingan kutipan cukai tersebut.

.....  
.....  
.....

[2 markah]

(c) Bandingkan kegiatan ekonomi yang dijalankan dalam Tamadun India dan Tamadun China.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(d) Perkembangan ekonomi yang pesat menjana kemajuan dalam aspek sosial. Nilaikan.

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

Islam merupakan agama yang mementingkan kedamaian dan keamanan. Walau bagaimanapun Islam tidak pernah terlepas daripada masalah peperangan.

2. (a) Nyatakan peperangan yang berlaku di Madinah antara tahun 622-630 Masihi.

.....  
.....  
.....  
.....

[2 markah]

(b) Andaikan anda salah seorang tentera Islam yang sedang berperang di medan perang. Jelaskan etika peperangan yang mesti anda patuhi.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Pada pandangan anda, bagaimanakah untuk mengelakkan peperangan berlaku pada alaf ini?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

3. Pernyataan di bawah berkaitan Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang telah ditubuhkan pada tahun 1939.

| Kesatuan Melayu Muda (KMM)                                                                               |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Ibrahim Haji Yaakob</li><li>• Persatuan separa politik</li></ul> |

(a) Senaraikan dua objektif utama penubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM).

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[2 markah]

(b) Jelaskan tindakan Kesatuan Melayu Muda (KMM) untuk mencapai matlamat perjuangan mereka.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Generasi muda pada hari ini kurang berminat menyertai sesebuah pertubuhan. Kemukakan cadangan anda untuk menangani masalah tersebut.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

.....  
[4 markah]

4. Gambar di bawah menunjukkan Jata Negara Malaysia



(a) Nyatakan maksud yang terdapat pada lambang-lambang berikut:

(i) Lima bilah keris

.....  
.....

[1 markah]

(ii) Cogan kata “Bersekutu Bertambah Mutu”

.....  
.....

[1 markah]

(b) Jelaskan bagaimana cogan kata di (a) (ii) dapat diaplikasikan bagi meningkatkan kemajuan negara.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri masyarakat Malaysia yang dapat dibentuk melalui amalan penghayatan lambang-lambang negara?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab mana-mana **tiga** soalan daripada bahagian ini

Peta 1 menunjukkan kerajaan awal di Asia Tenggara



Peta 1

5. Angkor dan Funan merupakan kerajaan agraria yang terkenal di Asia Tenggara.

(a) Apakah yang anda faham tentang kerajaan agraria?

[4 markah]

(b) Apakah sumbangan Tasik Tonle Sap kepada kerajaan Angkor?

[8 markah]

(c) Aktiviti pertanian dapat dikaitkan dengan perkembangan ekonomi dan kemajuan sesebuah negara. Buktikan

[8 markah]

6. Cukai merupakan bayaran yang dikenakan oleh pihak pemerintah terhadap aktiviti tertentu atau barang tertentu.

(a) Terangkan jenis cukai yang terdapat dalam Kesultanan Melayu Melaka.

[4 markah]

(b) Jelaskan sistem mata wang pada abad ke-17 di Tanah Melayu.

[8 markah]

(c) Cukai merupakan sumber pendapatan dalam membangunkan negara Malaysia.

Buktikan

[8 markah]

7.

Revolusi merupakan satu perubahan besar yang berlaku secara mendadak dan menyeluruh. Hal ini boleh berlaku dalam bidang ekonomi, sosial dan politik. Menjelang akhir abad ke-17 Masihi, tercetus revolusi yang dikenali sebagai Revolusi Pertanian di England

(a) Revolusi pertanian dikatakan bermula di England.

Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah Revolusi Pertanian dikatakan bermula di England?

[4 markah]

(b) Revolusi Pertanian telah memberi kesan terhadap kemajuan pertanian di Britain.

Jelaskan.

[8 markah]

(c) Sektor pertanian mampu mensejahterakan rakyat Malaysia.

Beri pendapat anda.

[8 markah]

8. (a) Apakah maksud nasionalisme?

[4 markah]

(b) Bandingkan gerakan nasionalisme tahap pertama di Filipina dengan Burma.

[8 markah]

(c) Pada pendapat anda, apakah kesan sekiranya rakyat Malaysia tidak mempunyai semangat nasionalisme?

[8 markah]

9. Sistem Ahli dilaksanakan pada tahun 1951 hingga bulan Jun 1955.

(a) Terangkan latar belakang Sistem Ahli.

[4 markah]

(b) Jelaskan ciri-ciri Sistem Ahli.

[8 markah]

(c) Sejauh manakah pelaksanaan Sistem Ahli memberi manfaat kepada pemerintahan negara?

[8 markah]

10. Suruhanjaya Cobbold telah memulakan tugasnya dari bulan Februari sehingga pada bulan April 1962 dan menyerahkan laporan mereka kepada kerajaan British pada bulan Jun 1962.

(a) Apakah cadangan Suruhanjaya Cobbold?

[4 markah]

(b) Terangkan inti pati perjanjian Malaysia 1963 yang menjadi penyatuan dalam kalangan negara anggota.

[8 markah]

(c) Para pemimpin Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah menunjukkan kepimpinan yang sangat ketara dalam membantu ke arah pembentukan Malaysia 1963. Ulas pernyataan tersebut.

[8 markah]

11. Penggubalan dasar luar Malaysia dipengaruhi beberapa faktor yang menentukan corak dan arah dasar luar negara.

- |                                                                                           |
|-------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Faktor Ekonomi</li><li>• Faktor Politik</li></ul> |
|-------------------------------------------------------------------------------------------|

(a) Terangkan kedua-dua faktor di atas dalam mempengaruhi dasar luar Malaysia.

[4 markah]

(b) Jelaskan perkembangan dasar luar Malaysia di bawah kepimpinan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1981-2003?

[8 markah]

(c) Dasar luar Malaysia berjaya mengekalkan kedaulatan negara. Buktikan.

[8 markah]